

SYARAT DAN PERATURAN PENDAFTARAN PERSATUAN / PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERSATUAN KELAB / BADAN

1. Pemohon perlu mematuhi peraturan kerajaan Malaysia, kerajaan Mesir dan peraturan yang dikeluarkan Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dari masa ke semasa. Pihak kedutaan boleh menarik balik status pendaftaran sekiranya melanggar peraturan yang ditetapkan.
2. Persatuan / Kelab / Badan hendaklah memupuk hubungan yang harmoni antara persatuan, pihak kedutaan dan warga tempatan.
3. Persatuan / Kelab / Badan hendaklah mengemukakan dalam tempoh sebulan selepas pemilihan / pilihanraya :
 - 3.1 Laporan tahunan
 - 3.2 Rancangan tahunan
 - 3.3 Perlembagaan persatuan
 - 3.4 Laporan kewangan
 - 3.5 Senarai jawatankuasa
4. Bilangan ahli sekurang-kurangnya 20 orang.
5. Persatuan hendaklah meletakkan penaung dan penasihat sebagaimana ketetapan berikut :

* Individu atau institusi lain boleh dipilih sebagai penaung dan penasihat.

 - 5.1) BKAN
 - i - Penaung : TYT Duta.
 - ii - Penasihat I : Menteri Penasihat (Pendidikan).
 - iii - Penasihat II : Atase Pendidikan Negeri.
 - 5.2) Persatuan bukan BKAN
 - i - Penaung : TYT Duta.
 - ii - Penasihat : Menteri Penasihat (Pendidikan).